

PASPORT TERBAIK!

Jepun, Singapura mendahului negara lain dengan akses perjalanan tanpa visa ke 192 destinasi

London

Terdapat jurang yang semakin melebar antara negara-negara di utara dan selatan dalam soal kebebasan perjalanan, kata laporan pertama 2022 oleh firma penasihat kewarganegaraan dan kediaman global Henley & Partners yang berpangkalan di sini.

BBC News melaporkan, Indeks Pasport Henley firma sentiasa memantau pasport paling mesra perjalanan di dunia sejak 2006 berdasarkan data eksklusif yang disediakan oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA)

Mengikut dapatan, berlaku peningkatan halangan perjalanan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 mengakibatkan jurang mobiliti global terluas dalam sejarah 16 tahun indeks berkenaan.

Indeks itu tidak mengambil kira sekatan sementara, jadi ia mengetepikan akses perjalanan pada masa ini.

» 10 PASPORT TERBAIK 2022

1. Jepun, Singapura (192 destinasi)
2. Jerman, Korea Selatan (190)
3. Finland, Itali, Luxembourg, Sepanyol (189)
4. Austria, Denmark, Perancis, Belanda, Sweden (188)
5. Ireland, Portugal (187)
6. Belgium, New Zealand, Norway, Switzerland, United Kingdom, Amerika Syarikat (186)
7. Australia, Kanada, Republik Czech, Greece, Malta (185)
8. Poland, Hungary (183)
9. Lithuania, Slovakia (182)
10. Estonia, Latvia, Slovenia (181)

Jepun dan Singapura mendahului negara lain dengan akses perjalanan tanpa visa ke 192 destinasi.

Ia melebihi 166 destinasi berbanding Afghanistan yang berada di bawah indeks 199 pasport itu dan hanya boleh mengakses hanya 26 negara tanpa memerlukan visa terlebih dahulu.

Dalam senarai 10 teratas, kedudukan kekal hampir tidak berubah memasuki suku pertama 2022.

Korea Selatan berkongsi kedudukan dengan Jerman di tempat kedua dengan 190 destinasi, manakala Finland, Itali, Luxembourg dan Sepanyol di tempat ketiga dengan akses ke 189 negara.

Negara Kesatuan Eropah (EU) mendominasi senarai teratas seperti biasa, dengan Perancis, Belanda dan Sweden mendaki satu anak tangga untuk menyertai Austria dan Denmark di tempat keempat dengan akses ke 188 destinasi.

Ireland dan Portugal berada di tempat kelima dengan akses tanpa visa ke 187 negara.

Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) yang menduduki tempat teratas bersama-sama pada 2014 pula kedudukan keenam.

Kedua-duanya berkongsi kedudukan dengan empat negara lain iaitu Switzerland, Norway, Belgium dan New Zealand.

Tempat ketujuh menjadi milik Australia, Kanada, Republik Czech, Greece dan Malta.

Hungary dan Poland naik di tempat kelapan, Lithuania dan Slovakia di kedudukan kesembilan manakala Estonia, Latvia dan Slovenia berada di tangga ke-10.

Thailand negara Asia terbaik untuk bersara

Bangkok: Thailand dinamakan sebagai antara 25 Tempat Terbaik untuk Bersara oleh penerbit *International Living* dalam Indeks Persaraan Global Tahunan untuk 2022.

The Land of Smiles menduduki tempat ke-11 dalam laporan itu dengan skor purata 72.9, meletakkannya di kedudukan teratas di Asia.

Malaysia menduduki tempat ke-15 dengan purata markah 72.

Bangkok, Chiang Mai dan Hua Hin antara bandar pilihan popular dalam kalangan pesara.

Laporan itu berkata, individu bujang boleh menetap di Thailand dengan AS\$1,000 (RM4,178) sebulan, dan sewa pangsapuri AS\$400 (RM1,671) hingga AS\$500 sebulan (RM2,088) sebulan.

Panama berada paling atas dalam Indeks Persaraan Global Tahunan untuk 2022 sebagai negara paling selamat, mampu dan paling mesra di dunia dengan purata skor 86.1.

Costa Rica di tempat kedua, manakala Mexico ketiga diikuti Portugal, Ecuador, Colombia, Perancis, Malta, Sepanyol dan Uruguay.

International Living berkata, negara itu disenaraikan berdasarkan skor yang diberi merangkumi 10 kategori termasuk kos sara hidup, perumahan, visa dan kediaman, pembangunan, penjagaan kesihatan, iklim, faedah istimewa dan tadbir urus.

“Editor *International Living* menilai beberapa siri kriteria termasuk kos sara hidup, pembelian dan pelaburan, penjagaan kesihatan, kesesuaian, faedah istimewa dan iklim. Ini ialah penilaian kualitatif berdasarkan data dunia sebenar yang dikumpulkan di lapangan,” kata kenyataan itu.

International Living adalah penerbitan media yang menyediakan skop dan maklumat mendalam mengenai tempat terbaik di dunia untuk tinggal, bersara, mengembara dan melabur. - Bernama